

**SOALAN NO. 61****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN GOBIND SINGH  
DEO [ PUCHONG ]**

**TARIKH : 13 MAC 2018**

**SOALAN :**

**YB Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah matlamat undang-undang berita palsu memandangkan sudah terdapat Akta Fitnah 1957, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan fitnah jenayah dalam Kanun Keseksaan.**

135

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mana-mana undang-undang yang digubal oleh Kerajaan dan diluluskan oleh Parlimen adalah berdasarkan kepada tujuan-tujuan tertentu dan/atau dasar Kerajaan sebagaimana dinyatakan dalam huraian sesuatu Rang Undang-Undang itu.

Dalam hal ini, isu penyebaran berita tidak benar merupakan masalah yang dihadapi secara global ekoran revolusi teknologi komunikasi yang berkembang dengan pesat dan pantas. Justeru, terdapat keperluan untuk mengemaskini dan menambahbaik undang-undang sedia ada mengikut perkembangan teknologi dan media massa.

Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah sewajarnya untuk memastikan Rang Undang-Undang (RUU) yang bakal dibentangkan nanti tidak bercanggah dengan mana-mana undang-undang sedia ada. Malah RUU tersebut akan melengkapi (*complement*) undang-undang sedia ada berhubungan dengan kesalahan-kesalahan mengenai berita tidak benar supaya Kerajaan dapat menangani masalah penyebaran berita tidak benar ini secara holistik dan efektif.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN : 62**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' RAJA KAMARUL BHARIN SHAH  
[ KUALA TERENGGANU ]**

**TARIKH : 13 MAC 2018**

**RUJUKAN : 10713**

**SOALAN :**

**Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan Malaysia merancang untuk memudahkan kedatangan pelancong ke Malaysia dengan membatalkan keperluan visa dan juga memudahkan pergerakan pelancong memasuki Malaysia dari negara-negara yang pernah ada halangan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Sehingga kini, 34 buah negara masih dikenakan visa untuk memasuki Malaysia bagi tujuan lawatan sosial. Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan kemudahan pengecualian visa kepada pelancong Republik Rakyat China (RRC) pada 1 Mac 2016 dan India pada 1 April 2017 bagi merancakkan industri pelancongan negara sekali gus meningkatkan ekonomi negara.

Selain itu, Kerajaan Malaysia juga telah melaksanakan kemudahan elektronik visa (eVISA) kepada 10 negara secara menyeluruh mulai 1 Mei 2017 bagi memudahkan pelawat asing memohon visa Malaysia secara atas talian di mana-mana sahaja dengan kelulusan dalam tempoh 48 jam.